



Hukum sambut hari jadi.
Ikuti penjelasan dalam
kapsul BH TV
Jom Tanya Ustaz.

BH IBRAH

Insafi musibah, usah mudah menghukum

- Tiga dimensi iman dalam menerima berita kejadian bencana alam, tragedi kematian

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Ketika ini, rakyat di Palu, Sulawesi, Indonesia masih bergelut meneruskan kehidupan kerana ditimpa musibah gempa bumi dan tsunami yang dahsyat.

Sehingga kini, masih ada penduduk yang terperangkap di dalam runtuhan bangunan, selain belum ditemui sementara lebih 1,000 nyawa dilaporkan terkorban.

Bagi lebih 200,000 orang yang terselamat pula, mereka perlu melalui ujian ini dengan tabah kerana ramai yang kehilangan ahli keluarga, saudara-mara dan sahabat-handai, bahkan hidup sehelai sepinggang.

Bagaimanapun, bagi segeralintir masyarakat, penderitaan

masyarakat di Palu ini disambut dengan reaksi yang negatif. Ada yang terus mengaitkan musibah besar itu disebabkan balasan oleh Allah SWT terhadap kemaksiatan penduduk di sana.

Terima qada, qadar

Tindakan mencerca, menghukum dan menempelak ini bukan saja melukakan hati mereka yang sedang diuji, bahkan ia secara tidak langsung menunjukkan hilangnya sifat kemanusiaan dalam diri setiap insan yang perlu beriman setiap perkara yang berlaku adalah qada' dan qadar daripada Allah SWT.

Pensyarah Kanan Ijazah al-Quran, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Sukki Othman menegur masyarakat Islam supaya tidak mudah menghukum, sebaliknya menginsafi musibah yang terjadi ini serta mengambil



Kita perlu menerima perkhabaran ini dengan sabar, cuba memperbaiki amalan dan pada masa sama, sentiasa ingat bencana ini boleh berlaku kepada sesiapa saja”

Dr Mohd Sukki Othman,
Pensyarah Kanan
Ijazah al-Quran, UPM

pengajaran daripadanya.

“Saya lihat masyarakat perlu mempertingkatkan ilmu kerana orang berilmu lebih kepada menginsafi bukan menghukumi.

“Kita perlu menerima perkhabaran ini dengan sabar, cuba memperbaiki amalan dan pada masa sama, sentiasa ingat bencana ini boleh berlaku kepada sesiapa saja.

“Sentiasa berada dalam keadaan bersedia dan ada perasaan bimbang sekiranya mengingkari perintah-Nya kerana tidak mustahil malapetaka besar boleh berlaku kepada kita sendiri daripada sibuk menghukum orang.” katanya.

Menurut Mohd Sukki, tidak tepat untuk menuding jari apatah lagi mengaitkan setiap bencana yang berlaku itu hasil daripada perbuatan dosa mereka yang ditimpa musibah ke atasnya.

Hikmah musibah

Musibah tidak memilih makhluk daripada aspek perilaku, ibadat atau kriteria lain kerana Allah SWT berhak menurunkan kepada sesiapa saja atas kehendak-Nya.

“Ada tiga dimensi dalam musibah, iaitu pertama, apabila ia ditimpa kepada golongan beriman, maka ia adalah ujian kesabaran untuk meningkatkan tahap keimanan mereka.

“Sebagai contoh, golongan nabi, rasul dan ulama cukup banyak diuji dengan musibah seperti hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tidaklah bagi seorang Islam itu dikenakan musibah walau satu duri di jarinya melainkan Allah SWT akan memberikan ganjaran pahala dan mengampunkan dosanya. (HR Muslim)

→ Lihat Ms.59

